

Keadilan tidak peduli keselamatan negara: PM

BH 5 MAR 2001
PUTRAJAYA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) tidak pernah mempedulikan soal keselamatan, ekonomi dan sosial negara, sebaliknya hanya memperjuangkan pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Keadilan sanggup melakukan demonstrasi ganas yang boleh menjejaskan perniagaan dan keganasan semata-mata untuk menumbangkan kerajaan yang dipilih rakyat.

**Terima dana asing untuk
rosakkan negara perbuatan
menderhaka - Muka 2**

**Demonstrasi jalanan gugat
kestabilan negara - Muka 4**

"Keadilan tidak ada langsung rasa sayang negara. Mereka tidak ada langsung perasaan patriotisme, cuma nak berjuang untuk bebas seorang saja, sehingga rosak seluruh negara pun tidak apa.

"Dia (Keadilan) tahu bila membuat demonstrasi mempunyai kesan terhadap ekonomi sehingga orang nak berniaga pun tidak boleh, tetapi bagi dia okey, asalkan dia dapat apa yang dia nak saja," katanya kepada selepas melancarkan Hari Landskap Negara, di Dataran Putra, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan yang memetik Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohamad Noor, sebagai mengakui parti itu merancang untuk melancarkan demonstrasi jalanan besar-besaran bertujuan menggulingkan kerajaan.

Ezam juga dipetik sebagai berkata, parti itu akan menganjurkan demonstrasi setiap hari dan bukan setiap hujung minggu.

Ezam dilaporkan berkata demikian sebagai mengulas pendedahan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, baru-baru ini bahawa parti pembangkang itu merancang mengadakan demonstrasi jalanan setiap minggu.

Dr Mahathir berkata, Keadilan mengaku percaya kepada keluhuran undang-undang dan memperjuangkan keadilan sosial, sebaliknya bertindak melakukan sesuatu di luar perjuangan itu.

"Malaysia mengamalkan demokrasi dan rakyat diberi peluang untuk menentukan sokongan pada mana-mana pihak melalui pilihan raya," katanya.

Perdana Menteri berkata, pihak terbabit mengetahui jika amalan demokrasi dan menumbangkan kerajaan melalui demonstrasi diamalkan, keadaan kestabilan di negara ini akan terus terganggu sekalipun jika mereka berkuasa nanti.

Ketika ditanya tindakan yang akan diambil kerajaan untuk menangani perkara itu, Dr Mahathir berkata:

Orang ramai diingat tidak sertai demonstrasi

DARI MUKA 1

"Kita tengok banyak mana-dia nak buat. Dia tengok apa berlaku di negara jiran, dia macam seronok tengok huru-hara, pembunuhan orang Islam dan Kristian, Dayak dari Madura, dia merasa kecewa kerana tiada pembunuhan di Malaysia."

Perdana Menteri berkata, pembangkang ingat mereka mempunyai sokongan dari luar negara dan media asing, sehingga apabila dipuji akan rasa gembira kerana hendak sangat pujian daripada orang asing.

Di KOTA KINABALU, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mohamad Jamil Johari berkata polis memandang serius kenyataan Ezam itu kerana demonstrasi, sama ada di tempat umum atau jalan raya boleh menggugat keselamatan negara.

Sehubungan itu, katanya, satu laporan polis akan dibuat bagi menyasat laporan parti pembangkang itu merancang untuk mengadakan demonstrasi jalanan secara besar-besaran

bagi menggulingkan kerajaan sedia ada.

"Kita akan buat laporan polis dan siasat latar belakang laporan itu. Hasil siasatan... kita akan mengambil tindakan sewajarnya," katanya setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, di sini hari ini.

Mohamad Jamil meminta orang ramai agar tidak menyertai mana-mana demonstrasi yang diadakan di luar undang-undang.

"Kita tiada masalah jika orang mengadakan demonstrasi mengikut undang-undang... tetapi di luar undang-undang, polis akan ambil tindakan," katanya.

Beliau berkata, polis juga sedang memantau maklumat yang disiarkan dalam internet, terutama berkaitan demonstrasi.

Ditanya sama ada polis akan mengambil langkah berjaga-jaga berikutan ura-ura parti pembangkang mengadakan demonstrasi secara besar-besaran: "Ini tugas harlian kita".